



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN

oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Latihan Ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)
pada sesi 1987/88.

Penyelia

21. 3. 1988

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

21. 3. 1988

Tarikh

**PAWANG LEBAH: SATU KAJIAN KES
DI KAMPUNG TAPAK, BATU KIKIR, NEGERI SEMBILAN**

Oleh

HASBULLAH BIN ZAKARIA

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
1987/88**

PENGHARGAAN

Bi 's-mi 'Llāhi 'r-Rahmāni 'r-Rahīm

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya penulis dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya kepada Dr. Amran Kasimin, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu kerana sudi menjadi penyelia kepada penulis sepanjang kajian ini dilakukan. Segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar dari beliau amatlah dihargai dan tidak akan saya lupakan.

Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu yang telah bersusah payah menyumbangkan ilmu pengetahuan dan bimbingan sepanjang pengajian saya di sini. Rakaman terima kasih juga buat informan-informan yang sudi ditemubual dan melapangkan masa untuk tujuan kajian ini. Penghargaan ini juga saya sampaikan buat Kakak Hadidah yang telah sudi membantu saya menaipkan latihan ilmiah ini.

Doa restu dari ayahanda, bonda dan adik-adik menjadi pendorong utama kepada saya. Tidak lupa juga buat semua yang terlibat baik secara langsung ataupun tidak, terutama kepada rakan-rakan sekalian, saya hulurkan rasa keikhlasan dan terima kasih sekali lagi. Semoga jasa baik kalian akan mendapat ganjaran yang mulia dari Allah.

Mudah-mudahan penulisan ini dapat diabadikan demi untuk faedah bersama. Segala yang baik itu hanya milik Allah jua dan keburukan itu adalah kelemahan saya semata-mata.

Sekian. Wassalam.

HASBULLAH BIN ZAKARIA

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

SELANGOR DARUL EHSAN.

105A, Kampung Jerjak

Padang Lebar

72200 Batu Kikir

NEGERI SEMBILAN.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini bertujuan untuk meneliti institusi pawang lebah di satu kawasan kajian yang telah dipilih. Kajian telah dilakukan terhadap peranan pawang lebah semasa mengambil madu. Di samping itu dimuatkan juga jampi yang digunakan semasa bekerja, gangguan-gangguan yang dialami serta beberapa pantang larang. Kajian mendapati pekerjaan mengambil madu lebah merupakan pekerjaan yang rumit dan merbahaya. Tanpa pawang lebah pekerjaan ini tidak mungkin dapat dilakukan dengan selamat. Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa peranan pawang lebah kurang diperlukan buat masa ini kerana kurangnya keperluan masyarakat terhadap kepakaran pawang lebah itu sendiri. Langkah-langkah perlu diambil supaya institusi ini tidak hilang begitu sahaja.

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI FOTO	vi
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI PETA	viii
 BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	6
1.2.1 Menghidupkan Kembali Warisan Budaya Melayu	6
1.2.2 Meneliti Peranan Pawang Lebah	6
1.2.3 Meneliti Peranan Jampi Mentera	7
1.2.4 Menurunkan Segala Bentuk Kegiatan Pawang Lebah Sebagai Bahan Bertulis	7
1.3 Skop Kajian	7
1.4 Metode Kajian	9
1.5 Masalah Kajian	10
1.5.1 Kekurangan Sumber Perpustakaan	10
1.5.2 Sikap Informan	11
1.5.3 Kesuntukan Masa	11
1.6 Kawasan Kajian	11
 BAB II : UNSUR-UNSUR UTAMA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU	
2.1 Pawang, Bomoh dan Dukun	18
2.2 Jampi Mentera dan Doa	20
2.3 Penciptaan Jampi Mentera dan Doa	22
2.4 Asal Usul Pawang Lebah	24
2.5 Kepercayaan Masyarakat Melayu Terhadap Pawang Lebah	26
2.6 Legenda Lebah	30
2.7 Khasiat Madu Lebah	31
2.8 Cara Mengenalpasti Ketulenan Madu Lebah	37

Halaman**BAB III : PAWANG LEBAH**

3.1	Latar Belakang Pawang Lebah Yang Ditemui	39
3.2	Cara Mengenalpasti Lebah	42
3.2.1	Jenis-jenis Lebah	42
3.2.2	Jenis-jenis Pokok Di Mana Lebah Membuat Sarang	43
3.2.3	Mengenalpasti Sarang Lebah	45
3.3	Masa Yang Sesuai Memungut Madu Lebah	48
3.4	Persediaan Sebelum Melakukan Pekerjaan	51
3.5	Cara Masuk Hutan	54
3.6	Peringkat dan Cara Pekerjaan	56

BAB IV : PENGGUNAAN JAMPI UNTUK MENGAMBIL MADU LEBAH

4.1	Jampi Yang Digunakan Pada Setiap Peringkat Pekerjaan	68
4.2	Analisa Jampi Yang Digunakan	81
4.3	Gangguan Ketika Menjalankan Tugas	86
4.4	Jampi Yang Dilagukan	91
4.5	Tujuan Jampi Dilagukan	92
4.6	Keberkesanan Penggunaan Jampi	94

BAB V : PENUTUP

5.1	Masa Depan Pawang Lebah	97
5.2	Kesimpulan	102

BIBLIOGRAFI	105
--------------------	-----

LAMPIRAN I	107
-------------------	-----

SENARAI FOTO

<u>FOTO</u>		<u>Halaman</u>
I	Encik Wahab bin Ma'akib seorang pawang lebah di kawasan kajian	40
II	Pokok pulai yang mempunyai 54 sarang lebah	45
III	Sarang lebah	47
IV	Sarang Lebah	47
V	Biji bunga kembang semangkuk sebelum kembang	49

SENARAI GAMBARAJAH

<u>GAMBARAJAH</u>	<u>Halaman</u>
I Bentuk ketajaman kayu pating	52
II Kayu siring	57
III Kayu pating yang telah dipasak	59

SENARAI PETA

<u>PETA</u>		<u>Halaman</u>
I	Semenanjung Malaysia dan Kedudukan Negeri Sembilan	13
II	Tujuh Daerah Di Negeri Sembilan Kawasan Kajian Terletak Di Daerah Kuala Pilah	14
III	Daerah Kuala Pilah Dengan II Mukim Kawasan Kajian Terletak Di Mukim Ulu Jempol	15
IV	Kedudukan Kawasan Kajian Kampung Tapak	16
V	Kampung Tapak Di Ulu Jempol	17

BAB III

PAWANG LEBAH

BAB III

PAWANG LEBAH

3.1 Latar Belakang Pawang Lebah Yang Ditemui

Pawang lebah yang ditemui di kawasan kajian ialah Encik Wahab bin Ma'akib. Beliau berusia 70 tahun. Pada masa ini beliau tidak begitu aktif lagi kerana telah tua. Beliau mula melibatkan diri dengan pekerjaan ini ketika berusia 20 tahun.

Pada permulaannya, beliau hanya mengikut ayahnya, abang dan orang kampung yang lain untuk melihat-lihat pawang lebah dan pembantu-pembantunya bekerja. Di samping itu bunyi jampi yang disandoikan juga menarik hatinya. Pada mulanya beliau merasa takut melihat orang mengambil madu lebah kerana pekerjaan ini begitu merbahaya. Pokok-pokok yang ada sarang lebah begitu tinggi dan besar-besar belaka. Lebih-lebih lagi jika sarang lebah itu terletak di bahagian hujung dahan. Di sebalik rasa takut itu lahir rasa kagum dengan kehandalan mereka yang melakukan kerja-kerja seumpama ini.

Setelah beberapa lama ikut serta dengan kumpulan ini, beliau telah disuruh oleh pawang untuk memating juga mencari kayu siring. Akhirnya rasa berani mula timbul. Pada masa itu umurnya baru dalam lingkungan 20an. Beliau juga suka merayau-rayau di dalam hutan untuk mencari sarang lebah. Pada masa itu beliau telah mengikuti ramai pawang lebah yang menggunakan berbagai cara untuk mengambil madu, seperti menggunakan lilin dan juga menggunakan kemeyan.

Setelah beberapa lama mengikut pawang, keinginan untuk mempelajari ilmu pawang lebah itu timbul. Pawang yang telah menjadi gurunya ialah pawang Basir. Setelah beberapa lama menuntut dan boleh mengetuai pekerjaan ini, barulah gelaran pawang lebah itu lekat padanya. Beliau mula menjadi pawang lebah ketika berusia lebih kurang 25 tahun.




FOTO I: Encik Wahab bin Ma'akib,
Seorang pawang lebah di
kawasan kajian.

Menurutnya lagi pawang lebah mempunyai tanggungjawab yang berat terutama sekali untuk menjamin keselamatan pembantu-pembantunya. Sepanjang kariernya sebagai pawang lebah, berbagai kenangan pahit dan manis telah dialaminya. Beliau pernah diserang lebah dan melihat perkara-perkara yang ganjil semasa menjalankan pekerjaan ini. Semasa muda dahulu beliau sering dipanggil ke merata-rata tempat di daerah Kuala Pilah untuk mengambil madu lebah.

Selain daripada menjadi pawang lebah, beliau juga adalah seorang dukun patah tulang. Ramai orang yang menderita patah tulang datang ke rumahnya untuk meminta pertolongan. Beliau juga membuat ubat dari akar-akar kayu yang dicarinya sendiri dari kawasan hutan yang berhampiran. Sungguhpun umurnya telah meningkat tua, namun beliau masih lagi mengerjakan sawah padi di samping menanam koko.

Seorang lagi pawang lebah yang ditemui ialah Encik Yahya bin Long. Beliau tinggal di Kampung Tanjung Limau Purut, Terachi, iaitu kira-kira 9 batu dari bandar Kuala Pilah dan 20 batu jauhnya dari kawasan kajian. Beliau berumur dalam lingkungan 50an dan masih aktif mengambil madu lebah. Beliau telah menuntut ilmu ini dari seorang pawang lebah yang terkenal di kampungnya iaitu pawang Until.

Setelah tamat belajar, beliau selalu dijemput untuk mengetuai pekerjaan ini. Namun demikian cara yang digunakannya agak berlainan dengan cara yang digunakan oleh Encik Wahab. Encik Yahya menggunakan kemeyan semasa bekerja sementara Encik Wahab pula menggunakan lilin yang diperbuat daripada sarang lebah. Pekerjaan mengambil madu lebah adalah sebagai pekerjaan sambilannya sahaja. Pekerjaannya yang sebenar ialah menoreh getah dan menanam padi. Beliau masih aktif

mengambil madu sungguhpun pernah dilarang oleh anak-anaknya supaya meninggalkan sahaja pekerjaan itu.

Seorang lagi pawang lebah yang telah ditemui ialah Encik Yazid bin Othman. Beliau tinggal di Kampung Chemomoi, Triang, Pahang. Beliau sekarang berumur 45 tahun. Walau bagaimanapun pada masa kini beliau tidak lagi aktif di dalam pekerjaan mengambil madu ini. Setelah tamat menuntut, beliau selalu dijemput oleh rakan-rakannya untuk membantu mereka di dalam pekerjaan ini. Cara yang digunakan oleh Encik Yazid sama dengan cara Encik Wahab Ma'akib. Malah kedua-duanya pernah bekerjasama mengambil madu ketika Encik Yazid tinggal di kawasan kajian dahulu. Beliau kemudiannya telah berpindah ke Kampung Chemomoi untuk membuka tanah baru. Pada masa ini beliau menumpukan sepenuh perhatiannya pada perniagaan runcitnya.

3.2 Cara Mengenalpasti Lebah

3.2.1 Jenis-Jenis Lebah

Di kawasan kajian ini lebah boleh dibahagikan kepada tiga jenis¹ iaitu:

¹ Di Pulau Langkawi pula, penduduk tempatan membahagikan lebah kepada tiga jenis juga mengikut bentuk badan lebah. Lebah-lebah itu ialah lebah sawa, lebah telinga gajah dan lebah jantung. Lebah jenis sawa dikatakan lebah yang paling rajin sekali dan madunya sangat banyak. Lebah jantung pula adalah lebah yang paling pemalas sekali. Lihat "MADU: Jika Anda Rasakan Sebotol Harganya Terlalu Mahal, Cubalah Ikuti Jejak-jejak Pencari Madu Ini," Lelaki, (Mei 1982), hlm. 61. Selain dari itu, terdapat juga penduduk di kawasan kajian yang mengatakan terdapat dua jenis lebah lagi iaitu lebah lalat dan lebah tangguk. Ia dinamakan mengikut bentuk badannya yang seakan-akan bentuk lalat dan bentuk tangguk ikan.

- (i) Lebah Beruang
- (ii) Lebah Jenjolong
- (iii) Lebah Tampoi

Lebah Beruang ialah sejenis lebah yang sangat garang. Induk atau permaisuri lebah beruang berwarna hitam. Lebah jenis jenjolong pula mempunyai bentuk badan yang panjang. Lebah jenis ini merupakan lebah yang paling rajin sekali di antara semua jenis lebah. Lebah jenis ini menghasilkan paling banyak madu. Kebanyakan madu lebah yang dipungut oleh pemungut madu lebah di kawasan kajian adalah madu lebah yang dihasilkan oleh lebah jenjolong.

Lebah jenjolong tidak mencampuradukkan antara tempat simpanan madu dan tempat anak-anak lebah ketika membina sarang. Tempat simpanan madu adalah bersih. Lebah jenis ini dikatakan rajin kerana membuang najis dari anak-anak lebah jauh dari sarang. Lebah-lebah tersebut akan terbang berkumpul membawa najis tadi ke tempat lain. Ini berbeza dengan tabiat lebah tampoi. Lebah tampoi adalah lebah yang paling malas dan pengotor. Induk atau permaisurinya mempunyai badan yang kecil dan pendek. Pada kebiasaannya di bahagian kepala sarangnya berisi najis. Lebah jenis tampoi tidak disukai oleh pemungut-pemungut madu.

3.2.2 Jenis-Jenis Pokok Di Mana Lebah Membuat Sarang

Menurut Encik Wahab Ma'akib, lebah tidak membuat sarang pada setiap jenis pokok di dalam hutan. Lebah hanya membuat sarang pada pokok yang tinggi dan jauh daripada musuh-musuhnya. Musuh-musuh lebah yang utama sekali ialah manusia sendiri, beruang dan burung



FOTO II: Pokok pulai yang mempunyai 54 sarang lebah. Gambar dari akhbar Berita Minggu bertarikh 15 November 1987.

3.2.3 Mengenalpasti Sarang Lebah

Terdapat beberapa cara untuk mengenalpasti sama ada sarang lebah itu mempunyai madu atau tidak. Menurut Encik Wahab Ma'akib, sebelum lebah membuat sarangnya ia akan bertanya kepada dahan pokok dengan cara sendiri terlebih dahulu yang membawa maksud seperti berikut:

"Tahan tak seorang manusia, bangku sebuah andang satu dan pisau sebilah."

Sekiranya dahan itu berkata yang ia tidak tahan, lebah akan mencari dahan lain yang sanggup menerimanya.

Pada permulaannya sarang lebah yang baru dibina itu berbentuk bulat kerana ia masih baru lagi. Dalam masa seminggu ia akan menjadi panjang antara satu hingga dua hasta mengikut ukuran dan bentukan dahan tempat ia bersarang itu. Dalam tempoh masa dua minggu sarang lebah tersebut akan melabuh ke bawah. Ini terjadi kerana sarang lebah tersebut sudah mempunyai bahagian kepalanya, iaitu tempat menyimpan madu.

Setelah siap bahagian kepala sarang, lebah akan membina tempat anak-anaknya pula. Bahagian kepala sarang dan bahagian anak-anaknya adalah dua bahagian yang berasingan di dalam sebuah sarang. Kita boleh mengenali bahagian kepala dan tempat anak-anaknya melalui bahagian lekuk yang terdapat di antara sempadan kepala dan bahagian yang satu lagi. Bahagian kepala adalah besar dan melabuh ke bawah. Pada kebiasaannya bahagian kepala sarang menghadap ke hujung dahan.

Bahagian kepala tempat menyimpan madu ini biasanya lebih besar daripada bahagian sarangnya. Dalam masa tiga minggu, bahagian kepala sarang itu sudah mula berisi dan anak-anak lebah juga sudah ada. Masa inilah madu tersebut boleh diambil. Hasil dari sebuah sarang ada kalanya sehingga dua tin besar. Sarang lebah jenis ular pula mengandungi madu yang paling banyak. Ia dipanggil demikian kerana bentuk sarang tersebut begitu besar dan memanjang di sepanjang dahan. Oleh itu bahagian kepala tempat menyimpan madu adalah lebih besar dan panjang. Ia dapat menyimpan lebih banyak madu jika dibandingkan dengan sarang jenis lain.




FOTO III: Gambar Sarang Lebah dari
akhbar Berita Minggu
bertarikh 15 November 1987.




FOTO IV: Sarang Lebah.

3.3 Masa Yang Sesuai Memungut Madu Lebah

Pekerjaan mengambil madu lebah ini adalah pekerjaan bermusim. Ia tidak boleh dilakukan pada luar musimnya. Hasil perolehan yang diambil di luar musim adalah terlalu sedikit. Ia terjadi demikian kerana pada waktu luar musim lebah tidak mengeluarkan madu dengan banyak. Ini adalah kerana sumber utama untuk lebah membuat madu datangnya dari beberapa jenis bunga di dalam hutan. Bunga-bunga ini seperti bunga kembang semangkuk hanya boleh didapati pada musim-musim yang tertentu sahaja. Itulah sebabnya jika kerja ini dilakukan di luar musim, hasilnya adalah tidak menggalakkan.

Di kawasan kajian sarang lebah boleh ditemui dengan agak banyak apabila tiba musim bunga kembang semangkuk sedang berkembang. Bunga kembang semangkuk ini boleh didapati di dalam hutan. Pokok bunga ini adalah besar. Walau bagaimanapun tidak diketahui pada bulan berapakah bunga ini biasanya akan kembang. Bunga ini dipanggil bunga kembang semangkuk kerana sebelum kembang, ia berbentuk biji seperti guli. Walau bagaimanapun bentuknya adalah bujur. Andainya biji bunga ini terendam di dalam mangkuk yang berisi air, dalam masa beberapa minit ia akan kembang memenuhi mangkuk tadi. Oleh sebab itulah ia dipanggil bunga kembang semangkuk.

Apabila bunga ini kembang, ia akan dikerumuni oleh lebah. Biji-biji bunga kembang semangkuk di atas pokok ini hanya akan berkembang apabila ia dibasahi hujan atau embun pagi. Pada masa inilah sarang-sarang lebah akan dipenuhi oleh madu. Apabila bahagian kepala sarang sudah membesar dan melabuh ke bawah, maka pekerjaan mengambil madu ini boleh dilakukan. Selain daripada musim bunga




FOTO V: Biji Bunga Kembang Semangkuk
Sebelum Kembang.

kembang semangkuk, bunga-bunga lain juga turut menjadi tarikan lebah. Di antaranya ialah pada musim bunga durian, bunga kumis juga bunga palong. Bunga-bunga ini menyediakan manisan yang banyak untuk lebah-lebah menyediakan madunya.

Di negeri Kedah terutamanya di daerah Sik yang menjadi tumpuan pencari madu, kegiatan ini juga merupakan kegiatan bermusim. Pada kebiasaannya kumpulan pencari madu lebah akan menjalankan kerjanya di antara bulan Januari hingga April pada setiap tahun.³ Sementara di Pulau Langkawi pula, setiap tahun ketika datangnya musim bunga merupakan saat-saat yang dinantikan oleh sebahagian daripada

³ Abdul Aziz Desa, "Mencari Madu Lebah Di Tengah Belantara," Perspektif Berita Minggu, (15 November 1987), hlm. 1.

penduduknya. Ketika musim inilah, iaitu di sekitar awal bulan Mac hingga akhir bulan April, mereka akan dapat menambahkan pendapatan keluarga dengan beralih kepada pekerjaan sambilan sebagai pencari madu lebah. Pada hari-hari dalam bulan tersebut, ratusan pencari madu akan menangguk pekerjaan tetap mereka dan membahagi-bahagikan masa waktu petang sehingga malamnya untuk mencari madu lebah.

Masa untuk mengambil madu lebah pula ialah pada waktu malam. Di kawasan kajian, madu hanya boleh diambil setelah keadaan malam benar-benar gelap. Sekiranya terdapat bulan atau bintang di langit, pawang lebah terpaksa membaca jampi supaya bulan dan bintang dilindungi oleh awan dan keadaan menjadi gelap gelita. Ia perlu dilakukan demikian kerana sebelum mengambil madu, lebah mestilah dihalau terlebih dahulu supaya lebah-lebah tidak menyengat mereka yang bekerja. Cara untuk menghalau lebah ialah dengan menyalakan andang api dan andang ini kemudiannya dipukulkan ke sarang. Apabila dipukul bara-bara api akan keluar dari andang dan ia akan jatuh ke bawah. Sekiranya keadaan malam benar-benar gelap, lebah akan dapat melihat bara api tadi dengan jelas. Lebah akan keluar dari sarangnya dan akan mengekori bara-bara api turun ke bawah. Ini memudahkan kerja mengambil madu. Menurut Encik Wahab Ma'akib, untuk menjamin keselamatan mereka yang terlibat, adalah lebih selamat sekiranya pekerjaan ini dilakukan ketika malam betul-betul gelap. Pada masa ini lebah tidak boleh melihat manusia.

3.4 Persediaan Sebelum Melakukan Pekerjaan

Sebelum pergi mengambil madu lebah, pawang lebah dan pembantu-pembantunya terlebih dahulu perlu menyediakan peralatan tertentu.

Pada masa dahulu segala peralatan dibuat sendiri iaitu dengan menggunakan bahan-bahan yang diperolehi dari hutan. Sekarang sebahagian daripada peralatan tersebut, seperti bangku (tin bekas mengumpul madu) dan tali boleh dibeli dari kedai.


Alat-alat yang perlu disediakan ialah pating.⁴ Pating adalah alat yang paling penting sekali. Pating biasanya diperbuat daripada buluh aur yang sudah cukup tua. Ia boleh didapati di tebing-tebing sungai. Untuk menentukan sama ada buluh tersebut sudah tua ataupun tidak, kulitnya mestilah dikikis dengan pisau. Sekiranya isi buluh itu berwarna kuning, bermakna ia sudah tua dan boleh digunakan. Sebaliknya jika isi buluh itu berwarna putih, bermakna ia masih muda dan tidak boleh digunakan.

Buluh itu dipotong berukuran lima atau enam inci mengikut ruasnya. Ruas buluh yang baik untuk kegunaan ini adalah pada bahagian pangkalnya. Bahagian hujung buluh tidak boleh digunakan kerana ia nipis. Ruas-ruas buluh yang telah dipotong dibelah dalam anggaran satu inci lebarnya. Buluh yang sudah dibelah hendaklah dibuang semilunya.⁵ Kemudian buluh itu ditajamkan pada bahagian

⁴ Pating ialah kayu yang berfungsi sebagai anak tangga ketika memanjat pokok. Bahagian yang tajam dipasak pada batang pokok dan bahagian hujungnya diikat pada kayu siring.

⁵ Semilu ialah kulit buluh yang nipis lagi tajam. Satu lagi sebutan bagi semilu ialah selumbar.

hujungnya. Terdapat dua bentuk tajam iaitu tajam pantat lipas⁶ dan tajam yang runcing dan beranak di tengahnya. Buluh atau pating yang telah ditajamkan itu kemudian dijemur di tengah panas supaya menjadi lebih tahan, kuat dan tajam. Sekiranya hari tidak panas, buluh boleh disalai di atas api yang sederhana sehingga menjadi kekuningan dan keras.



GAMBARAJAH I: Bentuk ketajaman kayu pating

Setelah pating siap, mereka perlu menyediakan andang api pula. Andang⁷ dibuat daripada batang sirih yang sudah tua ataupun dari akar batang kalong, iaitu sejenis pokok yang boleh didapati di dalam hutan. Batang kalong mempunyai bentuk yang hampir serupa dengan batang sirih tetapi ia mempunyai daun yang lebar. Akar batang kalong adalah lebih elok daripada batang sirih kerana ia mengeluarkan asap yang lebih pedih bila dibakar. Ini sangat sesuai digunakan ketika mengambil madu lebah.

⁶ Ia dipanggil tajam pantat lipas kerana bahagian hujungnya tidak begitu runcing. Bentuknya adalah seperti ekor lipas.

⁷ Andang ialah alat yang digunakan untuk menerangi jalan dan biasa digunakan oleh orang-orang kampung apabila mereka berjalan pada waktu malam. Ketika mengambil madu lebah, percikan bara api andang adalah paling penting seperti yang dijelaskan di atas.

Akar batang kalong dipotong kira-kira dua hingga dua setengah kaki supaya mudah untuk memukul sarang lebah kelak. Bila sudah dipotong, akar tersebut diketuk sehingga pecah, kemudian dibelah dan disiat kecil-kecil. Kemudian ia dijemur di tengah panas atau disalai jika tiada cahaya matahari. Untuk mempercepatkan akar tersebut menjadi garing semasa disalai, ia hendaklah ditutup. Ia perlu dijaga rapi kerana akar yang sudah cukup kering mudah terbakar.

Untuk menentukan akar tersebut benar-benar telah kering, lipat akar itu menjadi dua. Sekiranya boleh ini menunjukkan yang ianya sudah cukup kering. Jika belum kering ia perlu disalai lagi. Setelah itu akan tersebut dikumpulkan dalam satu ikatan sebesar lengan. Anggaran ini adalah untuk memudahkan andang tersebut dipegang.

Alat seterusnya yang perlu disediakan ialah tali pengikat pating. Tali ini biasanya diperbuat daripada akar jangat. Ia digunakan untuk mengikat pating pada kayu siring⁸ (lihat Gambarajah II). Selain daripada itu, rotan dan akar gelang juga boleh digunakan untuk mengikat. Kesemua jenis akar ini boleh diperolehi di dalam hutan. Walau bagaimanapun pada hari ini kebanyakan pencari madu lebah menggunakan tali plastik yang boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai untuk tujuan ini.

Sekiranya hendak menggunakan akar jangat, ia hendaklah dikerat-kerat dengan anggaran empat kaki panjangnya. Kemudian ia

⁸ Siring ialah sebatang kayu yang lurus yang ditegakkan berhampiran dengan pokok di mana terdapat sarang lebah. Ia digunakan sebagai penyokong pating. Bahagian pating yang tajam dipasak pada batang pokok sementara bahagian hujungnya diikat pada siring.

dibelah dan disiat kecil-kecil untuk dibuat tali. Sekiranya menggunakan rotan pula, ianya hendaklah diraut terlebih dahulu untuk membuang semilunya.

3.5 Cara Masuk Hutan

Sebelum memasuki kawasan hutan, pawang dan mereka yang mengiringinya perlu meminta kebenaran dari penunggu, hantu jembalang dan semangat yang terdapat di dalam hutan. Adalah dipercayai bahawa kawasan hutan sentiasa dipenuhi oleh makhluk-makhluk ghaib ini. Pokok-pokok besar, serta busut-busut mempunyai semangat yang tersendiri.⁹ Selain daripada itu, binatang-binatang di dalam hutan juga mempunyai semangat. Unsur-unsur ghaib ini walaupun bersifat abstrak, namun kadangkala ia boleh menyerupai binatang yang menakutkan, juga boleh merupai bentuk-bentuk tertentu. Makhluk-makhluk ini dipercayai adalah penunggu kawasan hutan dan sesiapa yang menceroboh kawasannya akan menerima akibat buruk.

Oleh kerana itu sebelum memasuki kawasan hutan pawang perlu meminta izin dari makhluk-makhluk ghaib ini. Pada kebiasaannya semangat dan penunggu pada pokok-pokok besar dan binatang mempunyai nama-nama tersendiri. Penunggu pada pokok besar dan busut akan dipanggil sebagai 'datuk' sementara semangat pada binatang seperti ular dipanggil 'penjalar hidup'. Dengan menyebut gelaran atau nama ini dipercayai semangat yang ada pada benda-benda tersebut akan mengetahui tentang kehadiran seseorang itu dan akan mengizinkan

⁹ J.D. Gimlette, Malay Poisons and Charm Cures (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 18.

seseorang itu masuk ke kawasannya setelah meminta izin dengan cara-cara tertentu.

Sebelum melangkah ke hutan, pawang akan memberi 'tabik' kepada 'datuk' atau penunggu kawasan yang hendak dimasuki itu. Bacaannya adalah seperti berikut:

Hei datuk yang menunggu tempat ini,
Hei penjalar hidup yang menunggu di sini,
Aku tahu asal kau jadi,
Kau datang dari gaung semantan,
Cucu minta lalu.

Di samping itu pawang juga akan menasihati mereka yang mengikutinya supaya mematuhi pantang larang tertentu dan jangan melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh semasa berada di dalam hutan. Di antaranya ialah tidak boleh meludah atau membuang air kecil sesuka hati. Ditakuti mungkin terkena tempat penunggu sedang berehat. Ini akan menimbulkan kemarahan penunggu tersebut dan boleh menyebabkan orang itu dirasuk sehingga tidak sedarkan diri.

Perbuatan memberi 'tabik' dan 'hormat' kepada penunggu-penunggu tadi adalah seumpama meminta izin memasuki sesuatu kawasan. Pada kebiasaannya mereka yang hendak memasuki kawasan hutan ini membahaskan diri mereka sebagai 'cucu cicit' semasa memberi 'tabik' kepada makhluk-makhluk ghaib tadi. Selepas memberi 'tabik' dan 'hormat', barulah mereka melangkah masuk ke dalam hutan.

3.6 Peringkat dan Cara Pekerjaan


Apabila sampai di pokok yang terdapat sarang lebah, pawang lebah dan pembantu-pembantunya mula menjalankan tugas masing-masing. Pertama sekali ialah mendirikan sebuah pondok kecil berhampiran dengan pokok, bertujuan untuk memudahkan mereka berehat sekiranya hujan turun dengan lebat. Mereka juga perlu mencari kayu api untuk memanaskan badan.

Selain daripada itu, mereka juga perlu menyediakan tali hulur yang diperbuat daripada akar gelang. Tali ini digunakan untuk menurunkan madu lebah dan ia disediakan di dalam hutan kerana pada kebiasaannya mereka tiba ke tempat yang dituju lebih awal iaitu pada waktu petang. Panjang tali hulur ini mestilah bersesuaian dengan ketinggian pokok di mana terdapat sarang lebah itu. Akar gelang yang diambil dari hutan itu hendaklah dibelah dua dan tempulurnya¹⁰ hendaklah dibuang. Bila sudah dibersihkan dengan pisau, ia hendaklah disambungkan atau diikat antara satu sama lain. Seelok-eloknya tali hulur tersebut biarlah lebih panjang sedikit dari pokok yang hendak dipanjat itu.

Setelah pondok siap didirikan, pawang akan meletakkan kayu siring tua di tepi pokok untuk kegunaan mengikat pating. Kayu siring tua diambil daripada pokok petaling atau selemak kerana pokok-pokok ini keras dan lurus. Pokok petaling dan selemak yang telah diambil itu dibuang ranting dan dahannya. Semak samun di sekeliling pokok yang hendak dipanjat juga ditebas dan dibersihkan.

¹⁰ Tempulur ialah bahagian tunas atau ranting yang menjulur keluar dari batang atau akar tumbuhan.

Pokok petaling atau selemak tadi dicantas pada bahagian pangkalnya. Kemudian diambil daun bemban dan dilekapkan pada bahagian bawah kayu siring yang hendak ditegakkan itu. Bahagian ini kemudiannya dipacakkan ke dalam tanah. Adalah dipercayai dengan berbuat begini bisa lebah itu tidak begitu dirasai terutamanya ketika lebah menyengat mereka yang bekerja. Selepas itu barulah kayu siring itu ditegakkan berhampiran pokok di mana terdapat sarang lebah itu. Sambil menegakkan kayu siring pawang akan meminta kebenaran daripada jembalang tanah untuk berbuat demikian. Dipercayai bahawa jembalang tanah dianggap sebagai penjaga tanah di mana kayu siring itu akan dipacakkan. Itulah sebabnya kebenaran perlu diminta terlebih dahulu.




GAMBARAJAH II: Kayu Siring

Setelah kayu siring sempurna ditegakkan, kerja-kerja memating pula dimulakan. Tugas awal memating dilakukan oleh pawang lebah. Bahagian kayu pating yang telah ditajamkan dipasak pada batang kayu yang hendak dipanjat dan bahagian hujungnya pula diikat dengan tali yang disediakan pada kayu siring yang telah ditegakkan berhampiran batang pokok tersebut. Bahagian hujung ini perlu diikat dengan tali pengikat pating. Bahagian kayu pating yang dipasak akan menusuk ke dalam batang pokok sedalam satu inci atau lebih sedikit. Namun demikian ia sangat tahan apabila dipijak. Ini adalah satu perkara yang agak luar biasa kerana kayu pating yang begitu kecil dapat menampung berat badan orang yang memanjat. Menurut syaratnya, pawang dikehendaki memating sebanyak tiga kayu pating. Setelah selesai tugas seterusnya diserahkan kepada anak dayung.¹¹ Tugas memating ini dilakukan sehingga sampai ke pangkal dahan di mana terdapat sarang lebah itu.

Apabila sampai ke pangkal dahan yang menuju ke sarang lebah, anak dayung meneruskan kerja memating pada dahan pula. Kayu pating hendaklah dipasak pada bahagian kanan dan kiri dahan. Kayu pating pada bahagian batang pokok berfungsi sebagai anak tangga ketika memanjat, sementara kayu pating pada dahan pula digunakan sebagai tempat berpegang. Ini kerana ketika berada di dahan, anak dayung perlu merangkak perlahan-lahan untuk menuju ke sarang lebah di mana kayu pating ini digunakan sebagai tempat pemegang.

¹¹ Iaitu pembantu-pembantu pawang lebah.



GAMBARAJAH III: Kayu Pating Yang Telah Dipasak

Setelah semua kerja memating selesai dilakukan oleh anak dayung, pawang akan memanggil mereka turun. Mereka berehat buat sementara waktu. Selepas itu pawang akan menjalankan pekerjaan peringkat ketiga yang dinamakan sebagai membela dan memuja kayu. Untuk tugas ini pawang akan menggunakan lilin.

Pawang akan menyuluh sekeliling pangkal batang pokok yang hendak dipanjat dengan lilin. Ini dilakukan untuk melihat sama ada terdapat semut, cicak atau binatang-binatang lain di sekeliling batang pokok itu. Sekiranya terdapat semut yang sedang memakan serangga ataupun cicak sedang menggigit serangga dan kepalanya dihalakan pada bahagian atas pokok, maka lilin akan dipadamkan. Kemudian lilin itu akan dinyalakan semula dan dihalakan ke arah binatang tadi. Jika kepala binatang tersebut menghala ke bawah

pokok, ini menunjukkan bahawa penunggu pokok itu telah memberikan keizinan dan kerja memanjat pokok boleh dimulakan.

Jika kepala binatang tersebut masih lagi mendongak ke atas, lilin¹² tadi akan dipadamkan dan dinyalakan semula. Kemudian pokok tersebut dibela dan dipuji lagi sehinggalah binatang-binatang itu berpaling ke bawah. Sekiranya binatang tersebut masih juga tidak bertukar arah setelah beberapa kali usaha membela dan memuji pokok dilakukan, ini bermakna kerja mengambil madu pada malam itu tidak boleh dilakukan kerana ia merupakan petanda yang tidak baik. Sekiranya dilakukan juga mala petaka akan menimpa mereka. Kiranya ini terjadi mereka tidak akan mengambil madu pada malam itu. Sebaliknya jika di sekeliling pokok itu tidak terdapat sebarang binatang atau serangga, maka anak dayung akan disuruh meneruskan pekerjaannya.

Peringkat keempat ialah menyuruh anak dayung memanjat pokok. Sebelum memanjat, pawang akan meminta pertolongan dari pawang yang berempat. Adalah dipercayai semasa mereka masuk hutan mereka diiringi oleh tiga orang pawang yang tidak dapat dilihat. Oleh itu bilangan pawang yang sebenar yang terlibat dengan pekerjaan ini ialah empat orang. Pertolongan dari pawang-pawang ghaib ini perlu kerana merekalah yang sentiasa mengingatkan anak dayung supaya berhati-hati dan tidak lalai. Pawang akan menyuruh tiga orang anak dayung memanjat

¹² Lilin ini dibuat daripada sarang lebah. Sarang lebah dimasak terlebih dahulu sehingga cair. Kemudian ia diletakkan di dalam acuan dan dibiarkan beku. Lilin ini dibuat anggaran panjang sejengkal dan sebesar jari telunjuk.

pokok. Seorang membawa tali hulu,¹³ seorang lagi membawa bangku manakala yang seorang lagi membawa andang api.

Apabila anak-anak dayung tadi tiba berhampiran sarang lebah, pawang lebah yang berada di bawah akan bertanya kepada anak dayung sama ada angin bertiup atau tidak. Sekiranya angin tidak bertiup, pawang akan memanggil angin dengan menggunakan jampi yang disandoikan (rujuk Jampi Memanggil Angin di Bab IV). Selepas sempurna membaca jampi pawang akan bertanya sekali lagi kepada anak dayung di atas sama ada angin sudah bertiup ataupun belum. Sekiranya angin sudah bertiup, maka anak dayung di atas boleh meneruskan pekerjaan selanjutnya.

Sekiranya keadaan langit pada malam itu agak terang dengan bulan dan bintang, maka pawang lebah akan membacakan jampinya supaya keadaan menjadi gelap (rujuk Jampi Untuk Menggelapkan Malam di Bab IV). Setelah suasana menjadi gelap dan angin mula bertiup maka anak dayung akan membakar andang dan memukulkannya ke sarang lebah setelah apinya marak. Andang tadi akan mengeluarkan percikan api yang bertaburan jatuh ke bawah. Lebah-lebah akan keluar dari sarangnya dan mengejar percikan api itu.

¹³ Di daerah Sik, Kedah, tali yang digunakan dipanggil tali umbai. Apabila mereka memanjat pokok, tali umbai akan diikat pada badan mereka sebagai langkah keselamatan. Tiga orang pembantu di bawah pokok akan mengawal tali umbai ketika dua orang yang lain memanjat pokok itu. Tali umbai juga digunakan untuk menaikkan kayu-kayu pating, kayu membuat sigai dan juga untuk menurunkan madu. Lihat Abdul Aziz Desa, Perspektif Berita Minggu (15 November 1987), hlm. 8.

Anak dayung akan memukul sarang lebah itu berkali-kali sehingga semua lebah di dalam sarang keluar. Percikan api yang turun ke bawah sungguh cantik kelihatan, seolah-olah percikan bunga api. Lebah-lebah yang keluar itu akan hinggap pada daun-daun dan batang pokok yang berhampiran dan ia tidak akan naik semula ke sarangnya sehinggalah pada keesokan harinya.

Setelah semua lebah turun ke bawah, anak dayung akan memotong bahagian kepala sarang lebah iaitu tempat madu disimpan dengan menggunakan kayu pating. Selain daripada menggunakan kayu pating, pisau yang dibuat daripada tulang kerbau juga boleh digunakan.

Madu lebah yang menitis keluar ditadah dengan bangku. Setelah penuh, bangku akan diturunkan ke bawah menggunakan tali hujur. Sekiranya kepala sarang lebah itu mengandungi banyak madu, bangku yang lain akan ditarik ke atas dan diisi lagi sehinggalah madu itu habis. Setelah sempurna semuanya, anak dayung akan berpindah ke dahan lain sekiranya terdapat lebih daripada satu sarang pada pokok itu. Kaedah yang sama dilakukan untuk mengambil madu di tempat tersebut sehingga selesai pada malam itu juga.

Apabila semua pekerjaan tadi selesai, anak-anak dayung akan turun perlahan-lahan. Di tempat kajian, pawang menggunakan istilah 'surut' yang sama ertinya dengan 'turun'. Selepas itu pawang akan mencabut kayu-kayu pating yang dipasak pada batang pokok tadi satu persatu. Tujuannya ialah untuk membangkitkan hantu jembalang yang telah membenarkan mereka mengambil madu pada pokok itu. Adalah dipercayai bahawa setelah kayu dipating, semua penunggu-penunggu pokok iaitu pontianak, bandan lumpuh dan hantu tinggi seolah-olah turut

terpasak sama menjadikan mereka terpukau tidak berupaya mengganggu mereka yang sedang bekerja mengambil madu. Itulah sebabnya penunggu-penunggu tersebut perlu dibangkitkan semula setelah kerja-kerja mengambil madu sempurna dilakukan.

Setelah semua kayu pating dan kayu siring dicabut, maka berakhirlah pekerjaan mengambil madu lebah tersebut. Kepala sarang lebah yang dibawa turun tadi diperah untuk mengeluarkan sisa-sisa madu yang masih melekat di dalamnya. Pada bahagian kepala sarang ini juga kadangkala terdapat anak-anak lebah yang masih muda. Anak-anak lebah ini boleh dimakan. Rasanya sedap dan lemak apabila dimakan bersama madu ataupun dibakar di atas daun pisang. Walau bagaimanapun anak lebah ini tidak mempunyai khasiat yang istimewa dibandingkan dengan khasiat madu itu sendiri.

Setelah semuanya selesai, mereka bersiap-siap untuk pulang. Ketika dalam perjalanan pulang inilah mereka perlu berhati-hati kerana ketika ini hantu lebah dan penunggu-penunggu lain yang telah dibangkitkan semula oleh pawang tadi akan datang mengganggu. Oleh itu anak-anak dayung adalah terdedah kepada gangguan makhluk halus tadi. Semasa dalam perjalanan pulang, pawangan berjalan di belakang sekali. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan anak-anak dayungnya. Penunggu-penunggu dan juga hantu lebah akan cuba menyesatkan anak-anak dayung di tengah-tengah hutan itu. Sekiranya anak dayung lalai, maka salah seorang daripada mereka mungkin akan tersesat dalam perjalanan pulang ini.

Apabila tiba di sempadan di antara hutan dan kawasan kampung, pawang akan membaca jampi supaya hantu lebah tidak mengikut mereka pulang (rujuk Jampi Di Sempadan Hutan dan Kampung di Bab IV). Pada

kebiasaannya pawang akan tahu anak dayungnya sesat apabila mereka tiba di sempadan antara hutan dan kampung. Usaha mencari akan dilakukan pada malam itu juga. Pada kebiasaannya apabila ditemui, anak dayung itu dalam keadaan tidak sedar. Kadangkala badannya dipenuhi dengan kesan sengat lebah dipercayai angkara dari perbuatan hantu lebah.

Anak dayung yang tidak sedarkan diri ini dibawa pulang dan dipulihkan oleh pawang lebah sendiri. Setelah sedar anak dayung akan merasa sejuk seluruh tubuhnya yang dinamakan demam lebah. Kejadian seperti ini pernah terjadi ke atas anak-anak dayung di kawasan kajian.

Sekiranya pawang lebah lalai, ada kemungkinan lebah di dalam hutan tadi akan mengikut mereka ke rumah dan membuat sarang di dalam rumah. Lebah ini akan mengganggu penghuni-penghuni rumah tersebut. Pawang lebah perlu dipanggil untuk menghalau lebah itu keluar.

Pada kebiasaannya, sekiranya pawang lebah dan anak-anak dayung sentiasa berwaspada ketika dalam perjalanan pulang, segala-galanya akan berakhir dengan selamat. Hasil madu lebah yang diperolehi akan dibahagikan sama rata.

3.7 Pantang Larang

Terdapat berbagai pantang larang yang mesti dipatuhi semasa kerja mengambil madu dilakukan. Pantang larang ini bukan sahaja mesti dipatuhi oleh anak dayung dan pawang lebah, tetapi juga mereka yang turut serta menyaksikan bagaimana kerja ini dilakukan.

Semua orang tidak boleh membuat bising atau bercakap-cakap sama ada ketika dalam perjalanan atau semasa menyaksikan mereka mengambil madu. Mereka juga dilarang menegur apa sahaja benda yang melintas di hadapan mereka terutamanya ketika kerja-kerja mengambil madu dilakukan. Adalah dipercayai bahawa tempat di sekeliling pokok tersebut dipenuhi dengan hantu jembalang dan penunggu-penunggu hutan. Sekiranya ada yang menegur, kemungkinan dia akan dirasuk oleh penunggu di situ. Ini akan mengganggu tugas pawang lebah dan anak-anak dayung.

Pantang yang lain ialah mereka tidak dibenarkan bercakap mengenai perkara-perkara yang kotor terutamanya perkara yang berkaitan dengan perempuan. Ini adalah kerana lebah dipercayai berasal dari seorang puteri. Menurut Encik Wahab Ma'akib, lebah akan merasa terhina jika ada orang bercakap perkara-perkara yang tidak baik berkenaan orang perempuan. Sekiranya ada di antara mereka yang berlaku tidak sopan, mereka mungkin akan diserang lebah.

Seterusnya anak dayung tidak dibenarkan membawa pisau atau parang yang dibuat dari besi ketika memanjat pokok. Ini adalah kerana menurut cerita asal usul pawang lebah, anak dayung itu telah membawa parang yang diperbuat daripada besi. Parang ini telah digunakan oleh hantu lebah untuk mengerat badan orang yang berkenaan. Itulah sebabnya hingga kini pisau dan parang yang diperbuat daripada besi tidak boleh dibawa bersama ketika memanjat pokok. Sekiranya pantang ini dilanggar, bahaya akan menimpa anak dayung. Oleh itu kayu pating atau pisau tulang kerbau digunakan untuk memotong bahagian kepala sarang lebah. Sekiranya terdapat gangguan dari hantu lebah ketika berada di atas pokok, mereka hanya boleh menggunakan kayu pating sebagai senjata untuk mempertahankan diri.

Satu lagi pantang larang bagi anak dayung ialah mereka tidak dibenarkan memanggil nama pawang yang sebenarnya. Sekiranya anak dayung di atas pokok memerlukan bantuan dari pawang di bawah, dia hanya perlu melaungkan perkataan "hoi pawang di bawah" dan jangan sesekali menyebut namanya yang sebenar. Sekiranya pantang ini dilanggar, kemungkinan pawang di bawah akan diganggu oleh penunggu-penunggu di sekitar kawasan pokok.

Setelah semua kerja selesai, mereka akan membawa pulang madu lebah yang diisi dalam tin. Madu lebah hendaklah dibahagi sama banyak. Adalah merupakan satu pantang kiranya seseorang itu mempunyai perasaan tamak dan ingin memiliki madu yang baik sahaja. Jika pantang ini dilanggar mereka yang tamak ini akan diganggu oleh hantu lebah yang sentiasa mengekori mereka dalam perjalanan pulang.

Di Pulau Langkawi, biarpun kerja mengambil madu ini boleh dilakukan pada siang hari namun ia juga mempunyai pantang larangnya. Sekiranya kedengaran bunyi petir berdentum mereka tidak boleh memulakan pekerjaan. Bunyi ini menunjukkan penunggu di situ tidak membenarkan mereka mengambil madu ketika itu. Mereka terpaksa menunggu sehingga keadaan menjadi tenang semula.

Selain daripada itu mereka juga terpaksa menangguhkan pekerjaan sekiranya terdapat burung helang terbang berlegar-legar di sekitar pokok di mana terdapat sarang lebah. Kejadian ini akan menyebabkan lebah bertempiaran keluar dari sarang dan akan menyerang sesiapa sahaja yang ada berhampiran. Oleh itu pemungut madu yang berada di bawah terpaksa mencari tempat perlindungan. Sekiranya tidak terdapat tempat yang agak tertutup mereka boleh berselindung

berhampiran unggun api yang berasap. Walau bagaimanapun pantang larang di Pulau Langkawi ini tidak terdapat di kawasan kajian. Ini adalah kerana di kawasan kajian pekerjaan ini dilakukan pada waktu malam dan burung helang tidak keluar pada waktu ini.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

BUKU

- A. Samad Ahmad. Warisan Perubatan Melayu.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.
- Chen, Paul C.Y., "Perubatan Bumiputera Tradisional di Malaysia,"
dalam Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. (Bahagian III)
Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1967.
- Gimlette, John D. Malay Poisons And Charm Cures.
Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.
- Ioyrish, Naum. Bees And People. Moscow: Mir Publisher, 1977.
- Mohd. Taib Osman. Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- _____. Indigenous, Hindu And Islamic Elements In Malay Folk Beliefs. Michigan: University Microfilm, 1967.
- Skeat, William W. Malay Magic Being An Introduction to The Folklore and Popular Religion of The Malay Peninsula. New York: Dover Publication, 1967.
- Teuku Iskandar. Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- W.J.S. Poewadarminta. Kamus Umum Bahasa Indonesia. Djakarta: Balai Pustaka, 1961.

JURNAL

- Amran Kasimin. "Ilham: Satu Aspek Perubatan Melayu Tradisional."
Jurnal Budaya Melayu. Jilid 5. Jabatan Persuratan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982, hlm. 131-157.

Dussek, O.T. "BERSANDUI: Verses Recited By Collectors of Honey In Rembau." Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society. Vol. VI, Pt. IV, 1928, hlm. 56-57.

MAJALAH

Abdul Rahman Ali. "Benarkah Bomoh Mempunyai Status Yang Tinggi Dalam Kepercayaan Melayu." Sarina, (November 1978), hlm. 81-87.

"Madu: Jika Anda Rasakan Sebotol Harganya Terlalu Mahal, Cubalah Ikuti Jejak-jejak Pencari Madu Ini." Lelaki, (Mei 1982), hlm. 60-61.

Zainal Abdullah Mk. Othman. "Bahasa Dalam Jampi dan Sastera Melayu." Dewan Bahasa, (Ogos 1975), hlm. 533-544.

UMUM

Abdul Aziz Desa. "Mencari Madu Lebah Ditengah Belantara." Perspektif Berita Minggu, (15 November 1987).

LAMPIRAN I

MAKLUMAT PERIBADI INFORMAN

1. Nama : Encik Wahab bin Ma'akib
 Umur : 70 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Dukun Patah, Petani
 Alamat : Kampung Tapak
 72200 Batu Kikir
 Negeri Sembilan.

2. Nama : Encik Yahya bin Long
 Umur : 52 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Petani
 Alamat : Batu 15,
 Jalan Seremban
 71500 Pejabat Pos Tanjung Ipoh
 Negeri Sembilan.

3. Nama : Encik Yazid bin Othman
 Umur : 45 tahun
 Pekerjaan : Pawang Lebah, Peniaga
 Alamat : Kampung Chemomoi
 28300 Triang
 Pahang Darulmakmur.